

Status penempatan penghuni diambil kira dalam pelan pembangunan Flat Waller Court



Sandra Ng Shy Ching

15/12/2022 06:00 PM

IPOH, 15 Dis (Bernama) -- Status penempatan penghuni Flat Waller Court antara faktor perlu diambil kira kerajaan Perak sebelum meneliti cadangan pembangunan kawasan tersebut seperti yang dirancang sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Sandra Ng Shy Ching berkata Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sedang berusaha bersama pihak berkaitan untuk melihat cadangan bersesuaian bagi membangunkan semula flat terpanjang di Asia Tenggara itu seterusnya membuka tawaran pembangunan kepada syarikat berminat.

"Hasrat kerajaan negeri mahu tingkatkan komuniti yang menyeluruh bukan sahaja ada kediaman tetapi mempunyai nilai komersial serta perniagaan namun pada masa sama, kita kekalkan nostalgia flat itu sendiri.

"Memang terdapat banyak cadangan pembangunan telah dikemukakan kepada MBI dan saya yakin dengan perancangan yang menyeluruh ia mampu dilaksanakan secepat mungkin," katanya pada sidang media selepas melancarkan Grab Driver Centre (GDC) Ipoh di sini hari ini yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Meor Rezal Fitri Meor Redwan dan Pengarah Operasi Outer Cities Grab Malaysia Ben Chin.

Isnin lepas, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming dilaporkan berkata pembangunan semula Flat Waller Court antara empat projek pembangunan yang dirancang kementeriannya selain pembinaan bangunan parkir bertingkat di pekan lama Ipoh, pembinaan pasar baharu di Pasir Pinji serta menaik taraf dan membaik pulih Pasar Besar Ipoh.

Flat Waller Court yang terletak di tengah bandar raya Ipoh dibina pada 1962 dan mempunyai hampir 500 rumah dengan 36 lot kedai yang didiami golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, Ng berkata pihaknya akan mencari penyelesaian berkenaan isu parkir kenderaan di bawah seliaan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) yang dikatakan mengenakan bayaran parkir pada Ahad dan cuti umum, yang mendapat tentangan serta menjadi bualan di media sosial komuniti di Batu Gajah.

"Memang kita telah selaraskan kadar bayaran parkir di seluruh Perak namun mungkin di daerah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sendiri ada undang-undang kecil mereka sendiri.

"Saya kena semak dengan MDBG tentang isu ini namun kebiasaannya memang Ahad dan cuti umum kita tidak kenakan bayaran, saya akan lihat perkara ini kelak," katanya.

— BERNAMA